


- 1 Lambang kebesaran adalah identiti sesebuah kerajaan.
Antara berikut, yang manakah lambang kebesaran sultan dalam Kesultanan Melayu Melaka ?
- A Bendera
 - B Cap mohor
 - C Wilayah pengaruh
 - D Agama Islam
- 2 Tulah amat ditakuti oleh rakyat Melaka. Bagaimanakah mereka dapat menghindarkan diri daripada ditimpa tulah ?
- A Memelihara keamanan
 - B Menjaga keselamatan negara
 - C Mentaati titah perintah raja
 - D Menjaga perpaduan rakyat
- 3 Gambar berikut menunjukkan tokoh-tokoh nasionalis di Asia Tenggara



Apakah persamaan perjuangan tokoh-tokoh di atas ?

- A Membaiki taraf hidup rakyat
- B Menubuhkan kerajaan sendiri
- C Memperjuangkan kebebasan bersuara
- D Meningkatkan tahap pendidikan golongan bawahan


- 4 Novel berikut merupakan hasil penulisan kreatif Pak Sako atau Ishak Hj. Muhammad.

- Putera Gunung Tahan
- Anak Mat Lela Gila

Bagaimanakah Pak Sako memberikan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu ?

- I Mengingatkan kepentingan kebebasan
 - II Menyentuh sindiran kepada penjajah
 - III Meningkatkan ilmu pengetahuan
 - IV Menyeru rakyat kembali kepada Islam
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


- 5 Rajah berikut merujuk kepada pakatan yang wujud di Eropah pada akhir abad ke-19.



Apakah kesan daripada pembentukan pakatan tersebut ?

- A Permulaan perang dunia
- B Perubahan bahan mentah
- C Peningkatan ekonomi dunia
- D Pembentukan perpaduan sejagat

- 6 Mengapakah layanan Jepun terhadap kaum Cina di negara ini berbeza dengan kaum-kaum lain semasa pendudukan Jepun ?
- A Kaum Cina suka membantah arahan Jepun
 - B Enggan bekerjasama dengan Jepun menentang British
 - C Menyokong kerajaan China dalam Perang China-Jepun
 - D Bersaing dengan Jepun dalam mendapatkan tanah jajahan
- 7 Selepas kekalahan Jepun, British Military Administration (BMA) dihantar untuk mengembalikan keamanan. Bagaimanakah BMA melaksanakan tanggungjawabnya ?
- A Berunding dengan Bintang Tiga
 - B Memperkenalkan pilihanraya
 - C Membubarkan MPAJA
 - D Berunding dengan PKM
- 8 Maklumat berikut berkaitan bentuk penentangan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.



Apakah X ?

- A Meminta bantuan luar
- B Menghantar surat bantahan
- C Menganjurkan dialog terbuka
- D Menggunakan kekuatan tentera

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan piagam yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Piagam Atlantik 1941

Apakah kesan pelaksanaan piagam tersebut ?

- A Berlakunya perang dunia
 - B Berakhirnya sistem pemerintahan beraja
 - C Pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu
 - D Tamatnya era penjajahan kuasa Barat
- 10 Siapakah yang layak menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu secara pendaftaran?
- I Lahir di Persekutuan Tanah Melayu
 - II Bermastautin antara 15 hingga 20 tahun
 - III Telah bekerja di Tanah Melayu melebihi 20 tahun
 - IV Pegawai British dan bekas pegawai British di Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Soalan 11 merujuk pernyataan berikut.

Tiga orang pengurus ladang Eropah telah dibunuh oleh Komunis di Sungai Siput, Perak.


Apakah kesan ekoran daripada peristiwa tersebut ?

- A Rancangan Briggs diperkenalkan.
- B Sistem pertahanan British diperkasakan.
- C Darurat diisytiharkan oleh British
- D Pentadbiran tentera British dilaksanakan

- 12 Padanan manakah antara berikut yang betul berkaitan dengan usaha memerangi ancaman komunis.

	Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat	Perang Saraf
A	Penduduk dilarang keluar rumah	Tawaran pengampunan
B	Pendaftaran kad pengenalan	Penduduk pinggir hutan dipindahkan
C	Syarat kerakyatan dilonggarkan	Mengadakan pilihanraya
D	Mengeratkan hubungan antara kaum	Memujuk rakyat berbilang kaum bersatu

- 13 Gambar foto di bawah merupakan salah seorang tokoh Sistem Ahli.



Apakah portfolio yang terletak di bawah jagaan beliau ?

- A Ahli Kesihatan
- B Ahli Pelajaran
- C Ahli Hasil Bumi
- D Ahli Pengangkutan


- 14 Soalan 14 merujuk pernyataan berikut.

- Parti Negara
- Independence of Malayan Party (IMP)

Apakah persamaan kedua-dua buah parti tersebut ?

- A Menyertai Parti Perikatan
- B Dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman
- C Menuntut kemerdekaan secara kekerasan
- D Berpegang kepada konsep kerjasama kaum

- 15 Rajah berikut berkaitan dengan sebahagian daripada proses pilihan raya.



Apakah yang diwakili oleh X dan Y ?

- I Rang undang-undang diluluskan
 - II Penetapan Manifesto Parti
 - III Pengumuman Keputusan
 - IV Penamaan Calon
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) terhadap pentadbiran negara kita ?
- A Tugas Pesuruhjaya Tinggi British diambil alih oleh Ketua Menteri
 - B Proses pertukaran dan pembaharuan dalam MPP dibuat serta merta
 - C Pesuruhjaya Tinggi British menjadi penasihat dalam bidang keselamatan
 - D Pegawai British masih mempunyai kuasa mutlak dalam bidang-bidang tertentu
- 17 Berdasarkan persetujuan antara kerajaan British dan Raja-raja Melayu di London, satu suruhanjaya telah dibentuk pada 8 Mac 1956.
Apakah peranan suruhanjaya tersebut ?
- A Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - B Membincangkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
 - C Menggubal Undang-undang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - D Mengumumkan kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

18 Maklumat berikut berkaitan satu perjanjian yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957.

- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
- Ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan wakil Queen Elizabeth II

Apakah kepentingan perjanjian ini ?

- A Panduan ke arah berkerajaan sendiri
 - B Mempercepatkan proses kemerdekaan
 - C Mengandungi dasar pendidikan kebangsaan
 - D Asas bagi membentuk perlembagaan Persekutuan
- 19 Pembentukan identiti negara penting dan perlu ditonjolkan semasa pemasyhuran kemerdekaan negara.
Apakah tindakan yang diambil bagi merealisasikan hasrat tersebut ?
- A Mencipta satu kebudayaan nasional
 - B Mewajibkan pemakaian baju batik
 - C Mengibarkan bendera setiap negeri
 - D Membina stadium meraikan kemerdekaan
- 20 Selepas merdeka negara kita telah diterima menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan dipilih menyertai misi pengaman PBB ke Congo.
Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berkaitan penglibatan ini ?
- A Menjamin keamanan dan kestabilan politik
 - B Menerima pengiktirafan antarabangsa
 - C Mempunyai pemimpin yang berwibawa
 - D Memiliki tentera yang berdisiplin

21. Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.
Antara berikut, yang manakah ciri negara berdaulat ?
- A Mempunyai raja
 - B Mempunyai politik
 - C Mempunyai ekonomi
 - D Mempunyai perundangan
22. Bagaimanakah keberkesanan pentadbiran dan kemakmuran ekonomi dapat diwujudkan di negara kita ?
- I Menjalankan pentadbiran tanpa campur tangan asing
 - II Memajukan taraf hidup rakyat
 - III Melahirkan generasi yang berilmu
 - IV Menjalinkan hubungan dengan negara lain
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
23. Apakah perkara terma utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ?
- A Sistem pilihan raya
 - B Hal ehwal imigresen
 - C Agama rasmi negara
 - D Kewarganegaraan yang sama

24. Perlembagaan Persekutuan memperuntukan pilihan raya sebagai asas sistem demokrasi di Malaysia.
Apakah hubung kait pernyataan di atas ?
- A Pemerintahan beraja
 - B Kerajaan Persekutuan berkuasa penuh
 - C Rakyat bebas memilih wakil pemimpin
 - D Pengasingan kuasa kerajaan Negeri dan Persekutuan
25. Berbanding dengan raja di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kedudukan raja-raja di Negeri- negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah lebih kukuh.
Mengapakah hal demikian berlaku ?
- A Raja berkuasa mutlak
 - B Pentadbiran oleh pembesar Melayu
 - C Pentadbiran tidak bersifat persekutuan
 - D Undang-undang Tubuh Kerajaan dirujuk
26. Manakah antara berikut merupakan bidang kuasa Parlimen ?
- I Meminda Perlembagaan
 - II Meluluskan bajet negara
 - III Melaksanakan dasar negara
 - IV Menentukan bentuk tindakan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pentadbiran Kerajaan Malaysia.

*Membangunkan perumahan awam *Menyediakan perkhidmatan kecemasan

Apakah peringkat pentadbiran yang menjalankan peranan tersebut ?

- A Kerajaan Persekutuan
- B Kerajaan Tempatan
- C Kerajaan Daerah
- D Kerajaan Negeri

28. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dapat memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat kepada rakyat.

Apakah kepentingan kerjasama erat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ?

- A Memajukan ekonomi negara
- B Memelihara kedaulatan negara
- C Menjamin kesejahteraan rakyat
- D Memartabatkan undang-undang

29. Apakah bentuk idea gagasan Malaysia yang dikemukakan sebelum Perang Dunia Kedua ?

- A Penyatuan semua wilayah di Asia Tenggara
- B Mewujudkan satu sistem Kerajaan Persekutuan
- C Penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara
- D Memerdekakan wilayah Alam Melayu daripada penjajah

30. Jadual di bawah adalah mengenai siri lawatan ke Sarawak dan Sabah untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

Tarikh	Siri Lawatan	Tokoh Terlibat
Julai 1961	Sarawak dan Brunei	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
Ogos 1962	Persekutuan Tanah Melayu	Pemimpin Sarawak Dan Sabah
November 1962	Sarawak dan Sabah	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
	Sarawak dan Sabah	Dr. Burhanuddin al-Helmi Tun Ghafar Baba

Apakah kepentingan siri lawatan tersebut ?

- A Kemampuan mengekalkan kuasa
 - B Kecekapan membangunkan wilayah
 - C Kesepakatan menyelesaikan masalah
 - D Kebijaksanaan mendapatkan kemerdekaan
31. Apakah peristiwa yang berlaku berkaitan Singapura pada tarikh di bawah ?

9 Ogos 1965

- A Usul pemisahan Singapura dibawa ke Parlimen
 - B Mesyuarat pemimpin Malaysia berkaitan isu Singapura
 - C Kegagalan rundingan antara pemimpin Malaysia dan Singapura
 - D Pemeteraian perjanjian pemisahan Singapura daripada Malaysia
32. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi melindungi rakyat daripada ancaman penganas komunis termasuk pelaksanaan *Strategy Counterinsurgency* (COIN).
Apakah langkah yang diambil melalui strategi tersebut ?

- A Menawarkan pengampunan

- B Mengadakan catuan makanan
- C Menempatkan semula penduduk
- D Memenangi hati rakyat tempatan

33. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan persekutuan Malaysia.

Bagaimanakah Bahasa Melayu diperkasakan dalam sistem pendidikan ?

- I Menggalakan penglibatan swasta
 - II Menubuhkan Kolej Sultan Abdul Halim
 - III Pembukaan sekolah menengah kebangsaan
 - IV Mewajibkan penggunaannya dalam semua urusan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34. Gambar berikut berkaitan logo temasya Sukan Malaysia (SUKMA)



Apakah tujuan temasya tersebut diadakan ?

- A Memperkasa integrasi nasional
- B Memajukan sektor pelancongan
- C Mendapat pengiktirafan antarabangsa
- D Menyemai semangat sukarelawan

35. Antara berikut, tanaman yang manakah diusahakan dalam program KEJORA dan KESEDAR ?
- I Getah
 - II Padi
 - III Tembakau
 - IV Kelapa sawit
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
36. Kerajaan turut menitikberatkan pembangunan fizikal dan alam sekitar dalam DPN. Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan ?
- A Penciptaan baja organik
 - B Penggunaan teknologi hijau
 - C Penanaman secara tradisional
 - D Penguatkuasaan undang-undang
37. Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial, dan politik domestik serta antarabangsa. Bagaimanakah hubungan Malaysia dengan negara-negara Arab terjalin ?
- A Melalui ikatan keagamaan
 - B Melalui ikatan perdagangan
 - C Melalui ikatan diplomatik
 - D Melalui ikatan nasional

38. Pelibatan Malaysia dalam PBB menjadi bukti jelas komitmen Malaysia untuk bekerjasama dan mewujudkan keamanan pada peringkat dunia.

Pasangan yang manakah betul tentang fungsi agensi dalam PBB ?

A	UNESCO	Menjaga kesihatan sedunia
B	FAO	Mengekalkan keadilan manusia sedunia
C	WHO	Menghantar pasukan tentera pengaman
D	UNHCR	Melindungi golongan pelarian

39. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama ekonomi.

Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) dicadangkan pada tahun 1976 dan dilaksanakan pada tahun 1978.

Apakah yang ditawarkan melalui skim tersebut ?

- A** Pempotongan cukai barangan
 - B** Menjadi tuan rumah sukan SEA
 - C** Mengadakan festival kebudayaan
 - D** Membangunkan teknologi perindustrian
40. Maklumat berikut berkaitan dengan kempen antiminyak sawit.

Kempen ini dijalankan oleh pengeluar minyak kacang soya, iaitu *American Soybean Association* (ASA)

Mengapakah negara maju melancarkan gerakan antiminyak kelapa sawit ?

- A** Pesaing kepada minyak sayuran
- B** Pesaing kepada minyak kacang soya

- C** Harga utama kelapa sawit yang lebih tinggi
- D** Permintaan minyak kelapa sawit yang tinggi

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT